



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

**(SIRI 7/2021) KERTAS CADANGAN MOHON PERKENAN DULI YANG TERAMAT MULIA
TUANKU RAJA MUDA KEDAH BAGI SEMAKAN SEMULA BILANGAN JAMAAH SOLAT
JUMAAT DALAM FASA PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)**

1. TUJUAN:

Kertas ini dikemukakan untuk mendapat perkenan Kebawah Duli Yang teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) mengenai **Bilangan Jamaah Solat Jumaat Dalam Negeri Kedah dalam Fasa Pelan Pemulihan Negara.**

2. LATAR BELAKANG:

2.1 Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah MKI Kali 4 Tahun 2021 yang bersidang pada 15 September 2021 melalui sidang video di Kompleks Islam Putrajaya telah mengambil ketetapan supaya **jumlah jamaah solat fardhu dan solat Jumaat bagi Fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) diperluaskan mengikut kapasiti masjid dan surau (yang dibenarkan **mendirikan** solat Jumaat) dengan mematuhi Prosedur Operasi Standart (SOP) terkini yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi Fasa 2 dan 4. Manakala bagi Fasa 1, peluasan jumlah jamaah adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri.**

2.2 Jabatan Mufti Negeri Kedah turut menerima permohonan supaya kebenaran mendirikan solat Fadrhu Jumaat turut diberikan kepada masjid ghairu jamek dan surau.

- 2.3 Pada masa yang sama, pelbagai rungutan, aduan dan tohmahan masyarakat juga timbul kerana kekusaran dan kebimbangan mereka terhadap remaja dan anak muda yang semakin selesa tidak mendirikan solat Fardhu Jumaat sepanjang tempoh PKP kerana mematuhi SOP yang ditetapkan.
- 2.4 Melihat kepada situasi yang berlaku pada hari ini, walaupun pihak pengurusan masjid mematuhi garis panduan dan SOP yang ditetapkan oleh KKM dan MKN, namun penularan wabak di Negeri Kedah masih belum menunjukkan perubahan positif bahkan semakin membimbangkan.
- 2.5 Oleh itu, **Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bersetuju supaya bilangan jemaah solat Fardhu Jumaat disemak semula dengan diberi penekanan terhadap aspek pengimarahannya masjid supaya masyarakat Islam lebih mesra ibadah.**

3. CADANGAN

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Bil. 04/2021 pada 19 September 2021 bersamaan 12 Safar 1443 telah meneliti **Cadangan Semakan Semula Bilangan Jemaah Solat Jumaat Dalam Fasa Pelan Pemulihan Negara** dan bersetuju memutuskan bahawa;

1.1.1 Pengimarahannya masjid adalah suatu tuntutan agama lebih-lebih lagi dalam keadaan dunia dan negara kita sedang berdepan dengan musibah wabak COVID-19.

1.1.2 Tuntutan ini, berdasarkan beberapa buah hadis Nabi ﷺ seperti berikut;

- i. Daripada Anas bin Malik رضي الله عنه, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى إِذَا أَنْزَلَ غَاثَةً مِنَ السَّمَاءِ عَلَى أَهْلِ الْأَرْضِ صُرِفَتْ عَنْ عُمَارِ الْمَسَاجِدِ .¹

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah ﷻ apabila menurunkan penyakit dari langit kepada penduduk bumi maka Allah ﷻ menjauhkan penyakit itu daripada orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid*”.

- ii. Daripada Anas bin Malik رضي الله عنه, Rasulullah ﷺ bersabda:

¹ حديث رواه ابن عساکر (ج. 17، ص 11) وابن عادي (ج. 3، ص 232).

إِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ عَاهَةً نَّظَرَ إِلَى أَهْلِ الْمَسَاجِدِ فَصَرَفَ عَنْهُمْ.²

Maksudnya: "Apabila Allah ﷻ menghendaki penyakit pada suatu kaum, maka Allah ﷻ melihat ahli masjid, lalu menjauhkan penyakit itu daripada mereka".

- iii. Sahabat Anas bin Malik رضي الله عنه berkata: "Aku mendengar Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

يَقُولُ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ: "قَالَ اللَّهُ تَعَالَى إِنِّي لَأَهْمُّ بِأَهْلِ الْأَرْضِ عَذَابًا فَإِذَا نَظَرْتُ إِلَى عُمَّارِ بُيُوتِي وَالْمُتَحَابِّينَ فِيَّ وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ صَرَفْتُ عَنْهُمْ"³

Allah ﷻ berfirman: "Sesungguhnya Aku hendak menurunkan azab kepada penduduk bumi, maka apabila Aku melihat orang-orang yang meramaikan rumah-rumah-Ku, dan golongan yang saling mencintai kerana Aku, dan orang-orang yang memohon keampunan pada waktu sahur, maka ia (azab) dijauhkan daripada orang-orang yang menghidupkan amal ibadah dengan perlindungan- Ku (Allah)".

- iv. Sahabat Anas bin Malik رضي الله عنه berkata, Rasulullah صلى الله عليه وسلم bersabda:

إِذَا عَاهَةٌ مِنَ السَّمَاءِ أَنْزَلْتُ صُرِفَتْ عَنْ عُمَّارِ الْمَسَاجِدِ⁴

Maksudnya: "Apabila penyakit diturunkan dari langit maka dijauhkan dari orang-orang yang memakmurkan masjid-masjid".

- v. Imam Sya'biy رحمته الله (salah seorang Imam pada zaman Tabii'in) pernah berkata:

كانوا - أي الصحابة إذا فزعوا من شيء أتوا المساجد⁵

Maksudnya: Adalah para sahabat رضي الله عنهم apabila merasa takut daripada sesuatu (musibah) mereka mendatangi masjid-masjid".

1.1.3 Berdasarkan hadis-hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa dalam menghadapi penularan wabak dan virus yang mengancam

² حديث رواه ابن عادي (جز3 ص 232)، الديلمي (الغماري، المداوي، ج. 1 ص 292)(رقم 220)؛ ابو نعيم في اخبار اشبهان (ج.1 ص 159) والدارقطن في الأفراد (تفسير ابن كثير، ج 2 ص 341).

³ رواه البيهقي في شعبه الإيمان. [2946].

⁴ رواه البيهقي في شعبه الإيمان دان ابن عادي.

⁵ رواه البيهقي في شعبه الإيمان [2951]

masyarakat ini, umat Islam disarankan supaya mendekati diri kepada rumah-rumah Allah (masjid).

1.1.4 Hal ini bertujuan untuk mengimarahkan masjid dengan melaksanakan ibadah kepada Allah ﷻ Mudah-mudahan dengan keberkatan jemaah yang hadir ke masjid akan mengundang rahmat Allah ﷻ yang mencurahkan dan dijauhi segala musibah/wabak.

3.2 Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah memutuskan bahawa:

- i. **Pertambahan bilangan jemaah di masjid untuk solat Fardhu Jumaat dioptimumkan dengan ketetapan bilangan jemaah sekurang-kurangnya empat puluh (40) orang yang memenuhi syarat wajib Jumaat dan jumlah maksimum jemaah adalah berdasarkan keluasan masjid.**
- ii. **Sekiranya cadangan (i) tidak dapat dipertimbangkan, maka dicadangkan supaya kebenaran mendirikan solat Fardhu Jumaat dalam tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) diberikan kepada Masjid Ghairu Jamek / surau dengan syarat;**
- iii. **Bilangan jemaah sekurang-kurangnya empat puluh (40) orang yang memenuhi syarat wajib Jumaat dan jumlah maksimum jemaah adalah berdasarkan keluasan Masjid Ghairu Jamek / surau; dan**
- iv. **Jemaah yang dibenarkan mendirikan solat Jumaat itu hendaklah dikhususkan kepada penduduk yang tinggal dalam kawasan perumahan / kampung berkenaan sahaja bagi mengelak penularan wabak dalam kawasan perumahan/ kampung terbabit.**

3.3 Keputusan ini adalah selaras dengan Kaedah **Fiqh** iaitu:

" تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة "

Maksudnya: "Tindakan pemerintah ke atas rakyat menjurus kepada kemaslahatan ummah".

3.4 Adalah diharapkan dengan keputusan ini akan memberi impak kepada perkembangan rohani masyarakat Islam khususnya di Negeri Kedah

Darul Aman dan dihilangkan segala musibah wabak, kesusahan dan kesedihan yang melanda masyarakat atas keberkatan jamaah yang ramai dalam melaksanakan solat, berdoa dan bermunajat dalam rumah

Allah ﷻ.

4. PENUTUP

Dikemukakan kertas cadangan ini untuk mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda Kedah bagi tujuan pelaksanaan di Negeri Kedah Darul Aman.

TARIKH KEPUTUSAN : 20 SEPTEMBER 2021